

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my

SURAT

Ke mana hilang nilai kemanusiaan

Cukup menyedihkan apabila seseorang yang bergelar ibu bapa sepatutnya menjaga dan membesarkan anak dengan penuh kasih sayang, bertukar menjadi zalim dan bertopeng syaitan.

Ayuh kita ambil iktibar. Jangan biarkan insiden menimpa Nur Aisyah Aleya Abdullah, 3, di Langkawi terus berlaku dalam masyarakat kita.

Dalam konteks ini usaha mencegah perlu bermula dari peringkat akar umbi dengan memberi keutamaan kepada pendidikan keibubapaan kepada semua pasangan yang hendak mendirikan rumah tangga atau baru menimang cahaya mata.

Walaupun setiap pasangan mengikuti kursus khas sebelum melangsungkan perkahwinan, perlu juga kita lihat keperluan modul lebih spesifik.

Ini penting kerana pendedahan awal mengenai tanggungjawab sebagai ibu bapa mampu memberi peringatan dan kesedaran kepada pasangan yang baru hendak berkahwin atau menimang cahaya mata.

Perlu ada mekanisme yang 'memaksa' setiap pasangan mengikuti kursus keibubapaan sama ada sebagai sebahagian kur-

sus perkahwinan atau secara berasingan dengan syarat ia diterangkan secara terperinci, bukan sekadar melengkapkan jadual semata-mata.

Pengaruh kuat terhadap anak

Ibu bapa juga perlu memainkan peranan kerana mereka ada pengaruh kuat terhadap anak.

Jadi gunakan ia untuk memberi peringatan, asuhan, nasihat dan tunjuk ajar kepada anak dan bakal menantu mengenai tanggungjawab.

Pengamatan kita menunjukkan sikap masyarakat khususnya yang mementingkan diri dan tidak ambil peduli apa yang berlaku di sekitar, menyum-

bang peningkatan kes dera atau membuang bayi.

Gaya hidup masyarakat bandar yang terlalu sibuk dengan hal kerja dan urusan sendiri sehingga tidak ada masa untuk bersosial mahupun mengenali jiran tetangga, menyebabkan kita tidak tahu apa sedang berlaku di rumah sebelah.

Bukan niat mencampuri hal rumah tangga orang lain, tetapi dalam konteks perlakuan jenayah dan tidak berperikemanusiaan seperti ini, tidak salah menjaga tepi kain orang sebelum terlambat.

Masalah sosial serius

Kita mahukan anggota masyarakat sentiasa peka dan prihatin

dengan masalah sekitar seterusnya melaporkan kepada pihak berkuasa supaya dapat diambil tindakan sewajarnya segera.

Hakikatnya kes penderaan, membunuh dan membuang bayi adalah masalah sosial yang serius dalam masyarakat hari ini. Kita tidak boleh biarkan anak yang tidak berdosa dan tidak mampu melawan diperlakukan seperti ini.

Di samping berharap pihak berkuasa menjatuhkan hukuman berat dan setimpal ke atas pelaku jenayah ini, besar juga harapan agar ibu bapa dan anggota masyarakat sama-sama sedar, ambil iktibar dan seterusnya membantu mencegah kejadian ini dari terus berlaku di negara kita.

Biarlah kemajuan dan pembangunan dikecapi selari nilai peradaban dan kemanusiaan yang boleh dibanggakan. Tiada guna negara maju, tetapi rakyatnya tidak layak digelar manusia!

Noor Mohamad Shakil Hameed,
Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM)



Keratan akhbar BH pada 22 Februari dan 7 Mac lalu.